

6 DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 22 JUN 2017

ACO pasarkan produk koperasi, PKS ke Lanzhou

■ PETALING JAYA 21 JUN

LANZHOU, ibu negeri dan bandar terbesar di Wilayah Gansu di Barat Laut China merupakan antara destinasi menarik bagi pelaburan koperasi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini memasarkan produk mereka ke peringkat global, kata Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Beliau yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) berkata ACO adalah payung bagi gerakan koperasi ASEAN yang memainkan peranan sebagai penasihat dan penyalaras kepada koperasi ahli untuk mendapatkan peluang perniagaan di Zon Perdagangan Bebas Baru Lanzhou, China.

"Zon Perdagangan Bebas Baru Lanzhou adalah kerjasama antara kerajaan tempatan daerah Lanzhou dengan Hab Halal (JAKIM) Malaysia untuk tujuan pemprosesan dan pembungkusan produk yang merupakan peluang keemasan kepada semua koperasi di Malay-

sia dan koperasi di negara ASEAN untuk memasarkan produk dan perkhidmatan ke China dan di peringkat antarabangsa," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

ACO mempunyai keanggotaan individu seramai 560 juta orang, mewakili 66 peratus daripada jumlah keanggotaan koperasi global. Koperasi itu terlibat di dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan perniagaan termasuk pertanian, perbankan, perumahan dan penjagaan kesihatan.

Abdul Fattah sebelum itu menghadiri majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara ACO dan Elca Communication Sdn Bhd, sebuah syarikat teknolo-

gi dan komunikasi di negara ini dan ACO Trade and Exhibition (Lanzhou) Sdn Bhd (ATE) bagi tujuan pemasaran produk koperasi berkenaan di Lanzhou.

"Kerjasama antara ACO dan ATE itu bertujuan mengeksport produk koperasi Malaysia dan negara ASEAN lain dan pihak lain yang berminat menjalin usahasama dengan ACO pada masa hadapan," katanya. - BERNAMA



ABDUL FATTAH ABDULLAH